



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PEMBINAAN INSTRUMEN PENILAIAN AMALAN PENTAKSIRAN GURU MATEMATIK SEKOLAH MENENGAH

SHAFINI BINTI SUHAIMI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2015



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan membina instrumen bagi menilai amalan pentaksiran guru Matematik sekolah menengah. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini melibatkan dua fasa, iaitu kajian literatur dan kajian rintis. Dapatan daripada kajian literatur mengenal pasti dua komponen utama iaitu, ciri-ciri sedia ada guru Matematik dan amalan guru Matematik. Ciri-ciri sedia ada guru Matematik merangkumi empat konstruk iaitu kepercayaan dan nilai guru, pengetahuan guru, kemahiran guru dan sikap guru. Manakala, amalan guru Matematik pula terdiri daripada lima konstruk iaitu cetakan biru mata pelajaran, hasil pembelajaran, hasil sasaran yang dijangka, folio A dan folio B. Dapatan daripada kajian rintis adalah kesahan kandungan dan kebolehpercayaan instrumen. Lima orang pakar yang terdiri daripada pensyarah universiti dan guru sekolah yang berpengalaman dalam bidang Pendidikan Matematik telah mengesahkan kandungan instrumen yang dibina. Kajian rintis juga mendapati bahawa nilai pekali kebolehpercayaan ialah 0.964. Kesimpulannya, kajian ini berjaya menghasilkan instrumen penilaian amalan pentaksiran guru Matematik yang telah disahkan kandungannya dan mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Impak daripada hasil kajian ini adalah keupayaan instrumen memperoleh maklumat mengenai amalan pentaksiran guru Matematik sekolah menengah.





DEVELOPMENT OF AN ASSESSMENT INSTRUMENT ON SECONDARY SCHOOL MATHEMATICS TEACHERS ASSESSMENT PRACTICE

ABSTRACT

The purpose of this study was to develop an instrument to assess secondary school Mathematics teacher's assessment practices. The method employed in this study involved two phases, including reviewing the literature and the pilot study. Findings from the literature review had identified two main components, which were Mathematics teacher's characteristics and Mathematics teacher's assessment practices. The Mathematics teacher's characteristics encompassed of four constructs including teachers' beliefs and values, teacher's knowledge, teacher's skills and teacher's attitudes. Whereas, Mathematics teacher's practices comprised of five constructs including subjects blueprint, learning outcomes, expected target result, folio A and folio B. Findings from the pilot study confirmed the content validity and reliability of the instrument. Five experts including university lecturers and experienced teachers who are expert in Mathematics Education had validated the content of the developed instrument. The pilot study also established that the reliability coefficient value was to be 0.964. As conclusion, this research had successfully developed an instrument with validated content and high reliability to assess secondary school Mathematics teacher's assessment practices. Implication from the findings is that the instrument has the ability to gather information on Mathematic teachers' assessment practices.



**KANDUNGAN****Muka surat**

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Kerangka Konseptual Kajian	8
1.5 Rasional Kajian	10
1.6 Kepentingan Kajian	11
1.7 Objektif Kajian	12
1.8 Persoalan Kajian	13
1.9 Batasan Kajian	13



1.10	Definisi Operasional	14
1.10.1	Instrumen	14
1.10.2	Amalan	14
1.10.3	Pentaksiran	15
1.10.4	Amalan Pentaksiran	15
1.11	Kesimpulan	16

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Definisi Pentaksiran	17
2.2	Definisi Pentaksiran dalam Pendidikan	18
2.3	Tujuan Pentaksiran	22
2.3.1	Pentaksiran terhadap Pembelajaran (<i>Assessment of Learning</i>)	23
2.3.2	Pentaksiran untuk Pembelajaran (<i>Assessment for Learning</i>)	24
2.3.3	Pentaksiran sebagai Pembelajaran (<i>Assessment as Learning</i>)	25
2.4	Kepentingan Pentaksiran	26
2.5	Instrumen Kajian Lepas	27
2.5.1	Instrumen Adaptasi daripada Ladson-Billings (1994)	28
2.5.2	Instrumen Kajian Mohd Fadhli (2010)	29
2.5.3	Inventori Amalan Pentaksiran Guru (IAPG)	31
2.6	Instrumen Rubrik Dua Lapis	33
2.7	Pembentukan Item Instrumen	35
2.7.1	Ciri-ciri Sedia Ada yang Dimiliki Guru	35

a) Kepercayaan dan Nilai Guru	36
-------------------------------	----

b) Pengetahuan	38
c) Kemahiran	42
d) Sikap	46
2.7.2 Amalan yang Dilakukan Guru	47
a) Blueprint Mata pelajaran	47
b) Hasil Pembelajaran	49
c) Hasil Sasaran yang Dijangka	50
d) Folio A (Penyimpanan rekod, penginterpretasian data dan pelaporan)	50
e) Folio B (Pengayaan, pemulihan dan pengiktirafan)	52
2.8 Kesimpulan	55

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	57
3.2 Reka Bentuk Kajian	58
3.3 Populasi dan Sampel Kajian	59
3.4 Instrumen Kajian	62
3.5 Prosedur Pembentukan Item Rubrik	64
3.6 Kajian Rintis	69
3.7 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	71
3.8 Prosedur Kajian	76
3.9 Analisis Data	77
3.10 Kesimpulan	80

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	82
4.2	Konstruk bagi Menilai Amalan Pentaksiran Guru Matematik	83
4.3	Kajian Rintis	84
4.3.1	Kesahan Kandungan dan Pemurnian Instrumen	85
4.3.2	Kebolehpercayaan Instrumen	100
4.4	Kajian Sebenar	102
4.4.1	Kebolehpercayaan Instrumen	103
4.5	Contoh Analisis Instrumen Rubrik Dua Lapis	104
4.5.1	Analisis Instrumen Secara Keseluruhan	104
4.5.2	Analisis Instrumen Secara Deskriptif	106
4.6	Kesimpulan	113

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	114
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	115
5.2.1	Konstruk bagi Menilai Amalan Pentaksiran Guru Matematik	115
5.2.2	Kajian Rintis	115
a)	Kesahan Instrumen	116
b)	Kebolehpercayaan Instrumen	117
5.2.3	Kajian Sebenar	117



a) Kebolehppercayaan Instrumen	118
5.2.4 Contoh Analisis Instrumen Rubrik Dua Lapis	119
a) Analisis Instrumen Secara Keseluruhan	119
b) Analisis Secara Deskriptif	119
5.3 Instrumen Kajian	121
5.3.1 Instrumen Rubrik Dua Lapis Amalan Pentaksiran Guru	121
5.3.2 Keistimewaan Instrumen Rubrik Dua Lapis	124
5.4 Implikasi Kajian	126
5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	128
5.6 Penutup	129

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

No.	Jadual	Muka surat
2.1	Huraian Dimensi Instrumen Adaptasi Ladson-Billings	28
2.2	Pembahagian Aspek Pentaksiran	29
2.3	Senarai Semak	30
2.4	Pembahagian Aspek IAPG	32
3.1	Bilangan Guru Matematik Sekolah Menengah di Semenanjung Malaysia	61
3.2	Jadual Penentuan Item Amalan Pentaksiran Guru Matematik Sekolah Menengah	67
3.3	Contoh Pembinaan Item dan Pernyataan bagi Konstruk Pengetahuan	68
3.4	Bilangan Item dalam Setiap Konstruk Amalan Pentaksiran Guru Matematik Sekolah Menengah	69
3.5	Jadual Nilai Pekali Kebolehpercayaan	75
3.6	Kod Jantina	77
3.7	Kod Kelulusan Akademik	78
3.8	Kod Lokasi Sekolah	78
3.9	Skor Jawapan Responden	78
3.10	Skor Amalan Setiap Item	79
3.11	Nilai Skor Min dan Tahap Amalan	80
4.1	Taburan Item Mengikut Konstruk bagi Instrumen	84
4.2	Jadual Validasi Instrumen Kajian	87
4.3	Peratusan Persetujuan Pakar: Persetujuan Kesesuaian Item dengan Konstruk	97
4.4	Jadual Bilangan Item Mengikut Konstruk Selepas Pengesahan Pakar	99
4.5	Taburan Item Mengikut Konstruk Instrumen Kajian	100

No.	Jadual	Muka surat
4.6	Nilai Pekali Kebolehpercayaan Bagi Setiap Konstruk dan Keseluruhan Instrumen	101
4.7	Bilangan Item Mengikut Konstruk Selepas Kajian Rintis	102
4.8	Nilai Pekali Kebolehpercayaan Instrumen	103
4.9	Min dan Sisihan Piawai Amalan Pentaksiran Guru Matematik	105
4.10	Jadual Kekerapan Item Pengetahuan	106
4.11	Skor Min Item Pengetahuan dan Status Pengelasan	107
4.12	Deskriptif Item Pengetahuan	108
4.13	Jadual Kekerapan Item Kemahiran	110
4.14	Skor Min Item Kemahiran dan Status Pengelasan	110
4.15	Deskriptif Item Kemahiran	111
5.1	Pernyataan Instrumen Rubrik Dua Lapis	125
5.2	Pernyataan Instrumen Soal Selidik	126



SENARAI RAJAH

No.	Rajah	Muka surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	9
3.1	Carta Alir Pembentukan Item Rubrik	64



SENARAI SINGKATAN

AAMT	- Australian Association of Mathematics Teachers
ADaP	- Akhbar Dalam Pembelajaran
AR	- Actual Result
BPG	- Bahagian Pendidikan Guru
BPK	- Bahagian Pembangunan Kurikulum
BPPDP	- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
EMIS	- Educational Management Information System
ETR	- Expected Targeted Result
IAPG	- Inventori Amalan Pentaksiran Guru
IPG	- Institut Pendidikan Guru
IPTA	- Institut Pengajian Tinggi Awam
JPI	- Jadual Penentuan Instrumen
JPN	- Jabatan Pendidikan Negeri
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KPM	- Kementerian Pelajaran Malaysia
NCTM	- National Council of Teachers of Mathematics
OTI	- Operational Targeted Increment
PBS	- Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PCK	- Pedagogical Content Knowledge
PPK	- Pusat Perkembangan Kurikulum
PPP	- Pelan Pembangunan Pendidikan
SPSS	- Statistical Package for the Social Sciences
TOV	- Take-off Value



SENARAI LAMPIRAN

- A Jadual Penentuan saiz sampel berdasarkan populasi Krejcie dan Morgan
- B Jadual Penentuan Item Instrumen
- C Surat kebenaran menjalankan penyelidikan dari BPPDP, KPM
- D Surat kebenaran menjalankan penyelidikan dari Jabatan Pendidikan Negeri
 - D1 Jabatan Pelajaran Perak
 - D2 Jabatan Pelajaran Negeri Kedah Darul Aman
 - D3 Jabatan Pelajaran Selangor
 - D4 Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan Darul Khusus
 - D5 Jabatan Pelajaran Melaka
 - D6 Jabatan Pelajaran Kelantan
 - D7 Jabatan Pelajaran Negeri Wilayah Persekutuan
- E Instrumen kajian





BAB 1

PENGENALAN



Proses pendidikan secara umumnya terbahagi kepada tiga komponen utama iaitu pengajaran, pentaksiran dan pembelajaran yang bertindak saling membantu dalam usaha membentuk hasil pengajaran dan pembelajaran yang optimum. Popham (2007) berpendapat istilah pengukuran, pengujian dan pentaksiran digunakan secara bersilih ganti dan dianggap sinonim antara satu dengan lain. Pentaksiran boleh dilihat sebagai penghubung antara kurikulum, pengajaran serta pembelajaran dalam bilik darjah. NCTM (2000) menekankan pentaksiran sebagai salah satu daripada enam prinsip yang mendasari pendidikan Matematik. Prinsip ini menyatakan bahawa pentaksiran berperanan menyokong kepentingan pengajaran matematik serta menyampaikan maklumat kepada guru dan murid.



Pentaksiran memainkan peranan yang penting bagi melihat sejauh mana kefahaman murid mengenai sesuatu konsep atau kemahiran yang diajar (Noraini, 2005). Bagi memenuhi peranan ini pentaksiran perlu dilakukan secara berterusan sama ada pada awal, semasa ataupun akhir sesi pengajaran dan pembelajaran. Walaupun pelaksanaan pentaksiran memakan masa serta menelan belanja, ia sangat penting diterapkan seiring dengan pengajaran dan pembelajaran.

Tiga tujuan utama pentaksiran dijalankan adalah pentaksiran terhadap pembelajaran (*assessment of learning*), pentaksiran untuk pembelajaran (*assessment for learning*) dan pentaksiran sebagai pembelajaran (*assessment as learning*). Menurut Azizi (2010), pentaksiran terhadap pembelajaran bertujuan mengesah serta memaklumkan kepada ibu bapa atau masyarakat mengenai kebolehan murid berkaitan kurikulum. Pentaksiran untuk pembelajaran membolehkan pendidik menentukan langkah seterusnya yang perlu diambil dalam usaha meningkatkan pembelajaran murid. Membimbing serta menyediakan peluang untuk proses pemantauan dan pentaksiran sendiri bagi mengenal pasti kaedah menyelesaikan masalah pula merupakan tujuan pentaksiran sebagai pembelajaran dijalankan.

Pentaksiran sering dikaitkan dengan ujian dan peperiksaan yang diambil oleh murid. Menurut Russell dan Airasian (2012), ujian merupakan prosedur formal dan sistematik yang digunakan untuk mengumpul maklumat mengenai pencapaian murid. Selain ujian, terdapat pelbagai bentuk pentaksiran yang boleh digunakan seperti portfolio, pemerhatian mahupun projek. Pentaksiran kebiasaannya memberi tumpuan terhadap pembelajaran individu, persekitaran pembelajaran, institusi yang terlibat serta sistem pembelajaran (Azizi, 2010). Oleh yang demikian, proses pentaksiran



hendaklah disepadukan dengan aktiviti-aktiviti dalam bilik darjah supaya pentaksiran yang dijalankan dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.

1.2 Latar Belakang Kajian

Matematik adalah satu daripada pelbagai cabang ilmu yang diaplikasikan dalam hampir setiap aspek kehidupan masa kini. Matematik merupakan mata pelajaran teras di sekolah menengah yang wajib diambil oleh semua murid. Selaras dengan wawasan pendidikan negara iaitu melahirkan warganegara yang berketerampilan dalam pelbagai bidang, adalah penting bagi murid menguasai pengetahuan teras Matematik. Ini bertujuan membolehkan mereka mengaplikasikan pengetahuan tersebut dalam



kehidupan seharian. Matematik KBSM menurut Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia (2006) bermatlamat membangunkan individu yang mampu berfikir secara matematik; mengaplikasikan pengetahuan matematik dengan berkesan serta bertanggungjawab dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan; dan menghadapi cabaran yang mendatang dalam kehidupan seharian seiring dengan kemajuan sains dan teknologi.

Justeru itu, pihak Perkembangan Kurikulum telah mengutarakan Sukatan Pelajaran Matematik yang memberikan penekanan terhadap penilaian dan pentaksiran. Ia merupakan sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran bertujuan menentukan kekuatan dan kelemahan murid. Wujud pelbagai kaedah pentaksiran yang boleh diaplikasikan bagi membantu guru mengenal pasti masalah yang dihadapi murid berkaitan topik tertentu. Hasil pentaksiran yang dijalankan





memberi maklumat kepada guru mengenai pembelajaran murid dan membolehkan guru merancang langkah seterusnya yang perlu diambil. Langkah seterusnya ini termasuklah melakukan aktiviti pengayaan dan aktiviti pemulihan.

Pelan Pembangunan Pendidikan (PPP) turut memberi perhatian terhadap penerapan pentaksiran dalam kurikulum pendidikan negara. Salah satu fokus PPP 2013 hingga 2025 ialah pembelajaran murid. Salah satu aspek yang ditekankan dalam pembelajaran murid ialah kurikulum dan pentaksiran yang selaras dengan tanda aras antarabangsa. Penyelarasan ini bertujuan memastikan murid memperoleh pengetahuan dan kemahiran untuk berjaya pada abad ke-21. Antara langkah penambahbaikan yang telah diambil oleh pihak Lembaga Peperiksaan bagi memastikan pentaksiran dijalankan secara holistik adalah dengan melaksanakan format pentaksiran berasaskan sekolah. Format pentaksiran ini bersifat lebih holistik, menyeluruh dan selari dengan kurikulum yang berbentuk rujukan standard.

Pentaksiran bilik darjah pada amnya terdiri daripada tiga domain utama iaitu kognitif, afektif dan psikomotor (Russell & Airasian, 2012). Domain kognitif merangkumi penggunaan aktiviti intelektual seperti menghafal, mentafsir, mengaplikasikan pengetahuan, menyelesaikan masalah serta pemikiran secara kritikal. Domain afektif melibatkan perasaan, sikap, nilai, minat dan emosi manakala domain psikomotor pula merangkumi aktiviti fizikal yang memerlukan murid memanipulasikan penggunaan objek seperti pen, jangka lukis dan pembaris. Guru kebiasaannya lebih memberikan tumpuan terhadap pentaksiran domain kognitif berbanding pentaksiran domain afektif dan psikomotor (Russell & Airasian, 2012).



Terdapat pelbagai amalan pentaksiran yang boleh diguna oleh guru dalam usaha meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Kuiz, ujian, kerja rumah atau laporan bertulis merupakan antara contoh teknik pentaksiran oleh guru (Senk, Beckmann dan Thompson, 1997). Kuiz mengikut pendapat sesetengah guru membantu mereka mengetahui tahap keupayaan murid menerima maklumat yang banyak dan mensintesis maklumat tersebut dalam jangka masa yang singkat (Senk et al., 1997). Namun yang demikian terdapat guru yang beranggapan kuiz hanya memfokuskan kepada sebahagian kecil bahan pengajaran sahaja.

Hasil kajian yang dijalankan oleh Barksdale-Ladd dan Thomas (2000) telah mengemukakan enam amalan terbaik dalam pentaksiran. Amalan-amalan tersebut terdiri daripada (a) menyediakan maklum balas untuk membantu murid meningkatkan pembelajaran mereka; (b) sebagai sebahagian daripada hasil kerja murid yang dimuatkan dalam portfolio; (c) pentaksiran yang fleksibel dan tidak mendominasi kurikulum; (d) memastikan pentaksiran mengandungi arahan untuk membantu guru meningkatkan pengajaran sekali gus memastikan pembelajaran murid; (e) pentaksiran dari semasa ke semasa mengikut kelas serta; (f) menggunakan lebih daripada satu bentuk pentaksiran untuk menilai pembelajaran murid.

Justeru melalui kajian ini, penyelidik membentuk instrumen yang menggunakan skala rubrik dua lapis untuk menilai amalan pentaksiran guru matematik sekolah menengah. Penggunaan pendekatan ini mampu memberikan input yang lebih terperinci. Ini dapat dilihat melalui kekuatan instrumen di mana setiap item bukan hanya diuraikan melalui status skor min malah turut boleh diperincikan lagi pada tahap rendah, sederhana dan tinggi dengan huraian deskriptif yang lebih jelas.

Dapatan yang diperoleh daripada instrumen ini juga lebih mudah diinterpretasikan bertujuan memudahkan pencarian penyelesaian yang bermakna oleh penyelidik.

1.3 Pernyataan Masalah

Kejayaan pelaksanaan pentaksiran bagi mata pelajaran Matematik banyak bergantung kepada pendekatan dan tatacara yang dilakukan oleh guru-guru. Sehubungan ini juga penggunaan instrumen yang betul dan menepati apa yang dinilai dapat menghasilkan ukuran yang tepat dan bermakna. Justeru proses penambahbaikan boleh dirancang dengan berpandukan dapatan yang tepat. Merujuk pernyataan ini wujud pelbagai masalah dalam pentaksiran matematik akibat daripada ketidaktepatan guru mengukur hasil pembelajaran murid. Justeru permasalahan ini timbul bermula dengan proses pengajaran dan pembelajaran sebagaimana diutarakan oleh McMillan (2000). Ini kerana menurut beliau pentaksiran dalam bilik darjah adalah sebahagian daripada aktiviti penting pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu, kebanyakan guru bertindak mengasingkan proses pembelajaran dengan pentaksiran. Justeru ada antara mereka menentukan masa tertentu sahaja untuk membuat pentaksiran. Ini secara tidak langsung menyebabkan pentaksiran dan pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan secara terpisah. Amalan ini adalah kurang membantu proses pengajaran dan pembelajaran semasa serta tidak sehaluan dengan dapatan kajian Azizi (2010). Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa pentaksiran bilik darjah merangkumi pelbagai maklum balas daripada murid serta perbincangan untuk mengukur dan menilai kualiti pembelajaran.

Pengetahuan yang diperoleh oleh guru mengenai konsep yang telah difahami murid serta penguasaan sesuatu kemahiran yang disampaikan adalah amat penting (Noraini, 2005). Perbezaan penguasaan yang wujud antara setiap murid menyebabkan perlunya guru mempelbagaikan kaedah pentaksiran yang digunakan. Ini disokong oleh Black dan William (1998) yang menyatakan guru perlu membantu murid menguasai apa yang diajar dengan menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran yang bersesuaian sama ada melalui bentuk perbincangan, pemerhatian atau dengan menyemak kerja-kerja bertulis murid.

Melalui pemerhatian ke atas sesi latihan mengajar dalam kebanyakan keadaan guru-guru tidak dapat membina sendiri alat untuk pentaksiran pengajaran dan pembelajaran walaupun tugas ini telah pun dijelaskan dalam agenda pentaksiran berasaskan sekolah (PBS). Berasaskan maklum balas awal yang diterima dalam PIPP, guru didapati menghadapi kesukaran membentuk instrumen pentaksiran bagi komponen pentaksiran sekolah. Ini disebabkan oleh guru belum betul-betul memahami dan menguasai perubahan yang berlaku (BPPDP, 2006).


Maklumat berkaitan amalan pentaksiran guru penting agar tindakan sewajarnya dapat diambil untuk meningkatkan kemahiran pentaksiran dalam kalangan guru. Oleh sebab kurangnya maklumat mengenai amalan pentaksiran guru, maka Suah dan Ong (2012) menjalankan suatu kajian bagi mengenal pasti amalan pentaksiran guru dalam perkhidmatan. Zhang dan Burry-Stock (2003) sependapat dengan menyatakan kurangnya kajian dijalankan bagi mengetahui pendapat guru mengenai amalan serta kemahiran yang dimiliki mengenai pentaksiran. Selain itu,

Suah, Ong dan Shuki (2010) turut menekankan amalan dan kemahiran pentaksiran yang dimiliki oleh guru sehingga kini masih kurang diketahui. Kekurangan alat mengukur berkaitan amalan pentaksiran guru ini menyebabkan kurang penekanan diberikan tentang peri pentingnya amalan pentaksiran yang mampu mempengaruhi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.

Maka penyelidik merasakan perlunya alat pengukuran yang sesuai dan bertepatan dibina bertujuan mengumpul maklumat mengenai amalan pentaksiran guru agar tindakan sepatutnya boleh diambil bagi meningkatkan kemahiran pentaksiran guru. Instrumen yang dibina perlu mempunyai kesahan serta boleh dipercayai. Pembinaan instrumen melalui kajian ini merangkumi suatu dimensi baru yang menggabungkan komponen ciri-ciri sedia ada yang dimiliki guru serta amalan yang dilakukan. Selain itu, instrumen yang dibina melalui kajian ini juga menggunakan instrumen bentuk baharu iaitu instrumen rubrik dua lapis.

1.4 Kerangka Konseptual Kajian

Pembinaan instrumen melibatkan beberapa perkara yang perlu diberi perhatian bagi memastikan instrumen yang dibina boleh digunakan bagi mendapatkan maklumat yang dikehendaki. Berdasarkan kerangka konseptual kajian yang dibina oleh Mohd Sahandri Gani et al. (2013b) dalam kajiannya, penyelidik mengadaptasikan kerangka tersebut dalam kajian ini. Pembinaan suatu set instrumen melibatkan tiga bahagian seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.1.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

Merujuk kepada Rajah 1.1, pembinaan instrumen perlu dilakukan mengikut prinsip dan prosedur yang betul. Bahagian-bahagian ini terdiri daripada input, proses serta produk. Input mewakili tinjauan literatur yang dijalankan ke atas hasil kajian terdahulu berkaitan tajuk kajian. Seterusnya proses merangkumi komponen serta konstruk kajian. Bahan serta maklumat berkaitan amalan pentaksiran guru dikumpulkan berdasarkan dapatan literatur atau kajian lepas. Hasil tinjauan literatur yang dijalankan, amalan pentaksiran guru matematik sekolah menengah boleh dinilai melalui dua komponen utama. Komponen yang telah dikenal pasti ini terdiri daripada ciri-ciri sedia ada yang dimiliki oleh guru serta amalan yang dilakukan guru.

Setiap komponen terdiri daripada beberapa konstruk yang mewakilinya.

Komponen ciri-ciri sedia ada yang dimiliki oleh guru terdiri daripada kepercayaan dan nilai guru, pengetahuan, kemahiran dan sikap. Komponen amalan yang dilakukan oleh guru pula dinilai berkaitan blueprint mata pelajaran, hasil pembelajaran, hasil sasaran yang dijangka, folio A serta folio B. Folio A merujuk kepada penyimpanan rekod, penginterpretasian data dan pelaporan manakala folio B pula merujuk kepada pemulihan, pengayaan dan pengiktirafan. Pada akhir prosedur, produk yang terbentuk ialah satu set instrumen penilaian amalan pentaksiran guru matematik sekolah menengah.

1.5 Rasional Kajian

Amalan pentaksiran yang dilakukan guru penting bagi membantu mengesan sejauh mana kefahaman murid terhadap apa yang dipelajari. Pentaksiran turut membantu guru mengesan kelemahan murid dalam sesuatu topik. Justeru itu, adalah amat penting bagi guru mengenal pasti amalan pentaksiran mereka supaya boleh disesuaikan dengan pembelajaran murid. Pembinaan instrumen yang dirancang dan dilaksanakan dengan teliti sehingga sah dan boleh dipercayai bagi menilai amalan pentaksiran guru matematik sekolah menengah ini boleh dijadikan panduan berstruktur bagi mendapatkan maklumat berkaitan. Hasil yang diperolehi daripada instrumen ini dapat membantu guru mengesan serta menambah baik kelemahan dari segi ciri-ciri sedia ada yang dimiliki serta amalan yang dilakukan.

1.6 Kepentingan Kajian

Kepentingan utama kajian ini dijalankan ialah menghasilkan instrumen bagi menilai amalan pentaksiran guru matematik sekolah menengah yang sah serta mempunyai nilai pekali kebolehpercayaan yang baik. Jika dilihat tujuan kajian dijalankan iaitu bagi menilai amalan pentaksiran guru matematik sekolah menengah, ia secara tidak langsung dapat membantu guru menambah baik amalan pentaksiran mereka. Instrumen kajian yang dibentuk sah serta boleh dipercayai kerana penentuan kesahan dan kebolehpercayaannya dilaporkan dengan lengkap oleh penyelidik.

Instrumen kajian ini membolehkan guru memperoleh gambaran mengenai ciri-ciri sedia ada yang dimiliki berkaitan pentaksiran. Ciri-ciri sedia ada ini merangkumi kepercayaan dan nilai guru, pengetahuan, kemahiran serta sikap. Gambaran ini membolehkan guru membuat refleksi dan seterusnya mengenal pasti aspek-aspek yang perlu diberi perhatian dan ditambah baik bagi memastikan amalan pentaksiran mereka lebih berkesan. Ini kerana ciri-ciri sedia ada yang dimiliki oleh guru mempengaruhi amalan yang dilakukan oleh mereka. Amalan yang dilakukan guru dalam kajian ini merangkumi amalan berkaitan blueprint mata pelajaran, hasil pembelajaran, hasil sasaran yang dijangka, folio A serta folio B.

Selain itu, diharap instrumen yang dihasilkan ini dapat digunakan dengan lebih komprehensif oleh penyelidik lain pada masa akan datang bagi mendapatkan maklum balas daripada guru matematik sekolah menengah. Penghasilan instrumen ini juga diharap dapat memberi sumbangan kepada pelaksanaan pelbagai kajian dalam bidang yang sama pada masa akan datang serta dapat dijadikan panduan dan rujukan